

18 AUG 2003

Mahathir-Perpaduan

DR M MINTA DUNIA ISLAM BERSATU ATAU JATUH SATU DEMI SATU

Oleh: Mokhtar Hussain

DAMASCUS, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam akan jatuh satu demi satu jika mereka terus berpecah belah dan gagal menguruskan sumber-sumber yang ada pada mereka.

"Pencerobohan di Afghanistan dan Iraq harus menjadi pengajaran jelas kepada kita umat Islam. Kita tidak lagi boleh berpecah belah kerana nanti akan jatuh satu demi satu," kata beliau pada Ahad semasa rangka lawatan dua hari ke Syria.

Dr Mahathir yang mengutuk keras pencerobohan Iraq yang diketuai oleh Amerika berkata umat Islam mesti menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan mengikuti perkembangan semasa di dunia barat.

"Malaysia percaya melalui kekayaan yang ada dan sumber semulajadinya, negara-negara Islam boleh menjadi kuat jika kita menguruskan hal ehwal dalaman kita dengan baik," katanya dalam majlis jamuan negara yang dianjurkan oleh Presiden Syria Dr Bashar Al-Assad di People's Palace (Qasir Al-Shaab).

Dr Mahathir mengetuai delegasi 70 orang yang terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua Menteri dan juga para eksekutif kanan sekurang-kurangnya 22 syarikat. Lawatan dua hari beliau yang bermula pada Ahad bertujuan meningkatkan kerjasama dalam perdagangan dan pengetahuan teknologi.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan pertemuan empat mata bersama Presiden Al-Assad. Beliau juga mempengerusikan mesyuarat delegasi kedua-dua negara bersama Perdana Menteri Syria, Mustapha Mero.

Para pemimpin itu kemudian menyaksikan majlis menandatangani sembilan perjanjian dan MoU termasuk kerjasama dalam Sains dan Teknologi serta Statistik. Turut ditandatangani ialah program pertukaran berita antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Agensi Berita Arab Syria (SANA).

Beliau berkata umat Islam hari ini lemah dan berpecah serta didiskriminasi di barat. Negara-negara Islam diceroboh atas alasan melindungi penganas, atau kerana disyaki memiliki senjata kemusnahan sejagat. Beberapa lagi negara Islam kini diancam atau menjadi sasaran "perubahan rejim".

"Kini wujud undang-undang rimba, di mana kekuatan adalah benar, digunakan untuk menyelesaikan pertikaian antarabangsa. Negara-negara yang lemah dan kurang maju, kebanyakannya negara-negara Islam, mudah menjadi mangsa pencerobohan dan penjajahan," jelas beliau.

Mengenai terorisme, Dr Mahathir mengulangi yang satu takrif terorisme yang diterima secara universal adalah penting untuk membolehkan masyarakat antarabangsa menangani gejala itu dengan berkesan.

Menyentuh mengenai konflik Israel-Palestin, Perdana Menteri berkata pelan damai yang diusahakan oleh Amerika untuk menyelesaikan masalah Palestin mempunyai peluang lebih baik untuk berjaya jika Iraq tidak diceroboh.

"Pada masa yang sama, kini ada kebangkitan di Iraq selain daripada masalah Palestin. Dan terorisme masih mengancam dunia," kata beliau lagi.

Dr Mahathir juga menekankan bahawa keamanan menyeluruh di rantau tidak dapat dicapai tanpa penyertaan Syria dan Lubnan dalam proses keamanan.

"Malaysia oleh itu menyokong dan menyeru Bukit Golan dan Ladang Sheba turut disertakan dalam pelan damai itu jika mahukan keamanan berkekalan di rantau itu," katanya.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Syria adalah tidak banyak iaitu US\$67.3 juta pada tahun lepas, dengan eksport Malaysia pula ialah US\$66.3 juta.

-- BERNAMA
MOK AZZ PR